

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

**BILANGAN 8 TAHUN 2021**

**PENGECUALIAN PERMOHONAN YANG PERLU DIBENTANGKAN DALAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL TANAH JAJAHAN (JKHET)**

---

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir-pentadbir Tanah Jajahan berkaitan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 20/2021 yang bersidang pada 20 Oktober 2021 mengenai permohonan yang dikecualikan daripada mendapat perakuan Jawatankuasa Hal Ehwat Tanah Jajahan (JKHET).

2. Sehubungan itu, semua pentadbir tanah jajahan hendaklah mengangkat terus kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Permohonan berkaitan adalah sebagaimana berikut:

- 2.1 Permohonan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930, Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 oleh Tenaga Nasional Berhad;
- 2.2 Permohonan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930, Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 oleh agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan; dan
- 2.3 Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

3. Arahan ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.



.....  
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL** *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N*  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADA**

Yang Amat Berbahagia. Dato' / Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**

**NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**FAIL : PTG.KN. 32/69 Jld. 4**

**BERTARIKH : 26 Rabiul Akhir 1443H**

**01 Disember 2021**